

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR**  
**UPACARA PELANCARAN PROJEK SENI BUDI**  
**31 OKTOBER 1990**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berbahagia Encik Zainuddin Abdul Bahari, Pengarah, Pasukan Petugas Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri; Yang Berbahagia Encik Vicente Undurruga, Pengarah Urusan, Olivetti Malaysia Sdn Bhd dan Olivetti Rantau Pasifik Barat; Tuan Yang Terutama Encik Luca Daniele Biolato, Duta Besar Itali; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat saya bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian pada pagi ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Olivetti (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Pasukan Petugas Anti Dadah yang sudi melantik saya sebagai Penaung Projek Seni Budi. Terima kasih juga kepada Syarikat Olivetti (M) Sdn. Bhd. yang telah bersetuju untuk menajakan Projek Seni Budi dan juga tuan-tuan dan puan-puan yang sudi melapangkan masa menghadiri majlis ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Masalah dadah di dunia ini masih serius dan berleluasa. Masalah ini telah mencapai tahap epidemik dan sasaran utama penagihan dadah ini adalah terdiri daripada generasi muda yang merupakan tulang belakang dan harapan negara di masa hadapan. Malaysia tidak terkecuali daripada masalah dadah ini. Semenjak kerajaan mengisytiharkan masalah dadah sebagai musuh negara yang utama dan telah melaksanakan beberapa program pencegahan dan pengawalan dadah, masalah penagihan dadah adalah terkawal tetapi masih serius. Pada tahun 1989, seramai 6,960 penagih baru telah dikesan. Jika angka ini dibandingkan dengan jumlah penagih baru yang dikesan pada tahun 1983 -- di mana masalah dadah telah diisytiharkan sebagai ancaman kepada keselamatan negara -- iaitu seramai 14,624, angka pada tahun 1989 adalah paling rendah sekali. Dari bilangan yang dikesan dalam tahun 1989, didapati 75.3% adalah di bawah umur 30 tahun dan 3% adalah murid-murid sekolah. Ini memang jelas menunjukkan bahawa generasi muda negara kita yang merupakan harapan negara pada masa hadapan adalah dalam kumpulan berisiko paling tinggi dalam penglibatan dadah. Oleh yang demikian, usaha-usaha pencegahan dadah yang lebih giat perlu dilaksanakan untuk menyelamatkan generasi muda kita daripada kancas penagihan dadah.

3. Dalam aktiviti-aktiviti pencegahan dadah, usaha-usaha pihak kerajaan sahaja tidak mencukupi. Ia memerlukan kerjasama semua pihak iaitu jabatan-jabatan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan korporat-korporat swasta. Usaha dan kesungguhan kerajaan tanpa sokongan dan penglibatan semua pihak yang

berkaitan tidak akan menghasilkan kejayaan yang kita harapkan. Penglibatan masyarakat, khususnya sektor swasta, adalah amat perlu dan penting memandangkan mereka mempunyai sumber tenaga manusia dan kewangan yang boleh membantu kerajaan membanteras masalah dadah. Pihak swasta boleh menganggap sumbangannya sebagai perkhidmatan kepada masyarakat oleh kerana sumbangannya adalah untuk kebajikan masyarakat. Saya difahamkan bahawa beberapa syarikat swasta telahpun memberi sumbangan kepada usaha-usaha pencegahan dadah seperti Kempen Papantada Anti Dadah, Kuiz Pencegahan Dadah 5 + 1, Program Kecergasan -- Jauhilah Dadah, Unit Bergerak Pencegahan Dadah dan sebagainya. Saya berharap penglibatan pihak swasta dalam usaha membanteras dadah akan kekal dan berterusan.

4. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Olivetti (Malaysia) Sdn. Bhd., satu korporat swasta besar yang sudi menajakan Projek Seni Budi di mana lebih kurang satu juta ringgit akan dibelanjakan dalam tiga tahun untuk melaksanakan beberapa aktiviti pendidikan pencegahan dadah seperti yang telah dinyatakan oleh Encik Zainuddin bin Abdul Bahari, Pengarah Pasukan Petugas Anti Dadah sebentar tadi. Saya yakin Projek Seni Budi ini bukan sahaja akan dapat membantu menambahkan Tabung Akaun Amanah Anti Dadah yang digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti pencegahan dadah di kalangan masyarakat dan sekolah-sekolah malah ianya juga akan dapat mempertingkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan orang ramai terutamanya generasi muda negara kita mengenai ancaman dadah dan pentingnya mengambil tindakan untuk membasminya. Projek Seni Budi juga akan mendorong dan menanam sifat tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk membanteras masalah dadah di negara ini. Ini bermakna setiap rakyat Malaysia perlu dan bertanggungjawab untuk mencegah dirinya daripada perangkap najis dadah.

5. Sebentar tadi upacara menandatangani perjanjian pelaksanaan Projek Seni Budi di antara Olivetti (Malaysia) Sdn. Bhd. dengan Pasukan Petugas Anti Dadah telahpun dilakukan. Saya difahamkan berbagai program telahpun disusun untuk dijalankan di bawah projek ini. Beberapa siri promosi 'Lithographs' termasuk Pameran 'Lithographs' untuk orang ramai akan diadakan pada bulan November hingga Disember tahun ini. Aktiviti kemuncak Projek Seni Budi tahun 1990/1991 adalah Majlis Makan Malam Sumbangsih di mana sebanyak 44 keping 'Ancient Italian Lithographs' akan dilelong dan semua hasil kutipan akan disumbangkan kepada Akaun Amanah Anti Dadah. Oleh yang demikian, sebagai Penaung Projek Seni Budi, saya merayu dan berharap korporat-korporat dan orang ramai akan menyokong sepenuhnya Projek Seni Budi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Akhirnya, saya ingin sekali lagi mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Syarikat Olivetti Malaysia Sdn. Bhd. dan Pasukan Petugas Anti Dadah dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pelancaran Projek Seni Budi ini. Saya berharap projek ini akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh agar segala matlamat dan objektif projek akan tercapai.

7. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Projek Seni Budi 1990-1993 dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.